



RIBA: PERSPEKTIF TASAWUF

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Kandungan

PERKARA	MUKASURAT
Kata Pengantar	2
Mukadimah	3
Definisi dan Pengenalan	
• Definisi Riba pada bahasa dan istilah	4
• Definisi Tasawuf pada bahasa dan istilah	5
• Tarjih (Pendapat yang Terkuat)	6
• Kesimpulan	8
Hukum Riba	9
Ancaman daripada Riba	10
Hikmah Pengharaman Riba	12
Ulama Tasawuf dan Riba	14
Resolusi Majlis Majma' Fiqh Islami Kali ke 9 di Mekah 1406H	19
Fatwa Ulama Tentang Riba dan Keadaan Darurat	20
Penyelesaian Wang Riba	22
Penutup	24
Bibliografi	24

Kata pengantar

Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat disiapkan sebuah buku kecil ini yang tertangguh hampir setahun dari perancangan asal.

Buku ini secara khusus membincangkan berkenaan amalan riba yang patut dijauhi mengikut perspektif ahli tasawuf. Dalam kata pengantar ini suka saya menukilkan kenyataan Imam Hasan al-Banna, antara lain menyebut: Ajaran Islam mewajibkan kita menghapuskan sama sekali amalan riba. Kita mengharamkan dan menghapuskan semua amalan yang berlandaskan riba. Seperti sabda Baginda SAW yang bermaksud: "Ketahuilah bahawa riba telah dihapuskan dan riba pertama yang saya hapuskan ialah riba bapa saudara saya, al-Abbas bin Abdul Mutalib." Benarlah Rasulullah SAW.

Suatu ketika dahulu para penggerak pembaharuan mengelak daripada membincangkan persoalan ini kerana bimbang ia dikatakan sebagai suatu yang mustahil atas alasan semua urusan ekonomi dunia mengamalkannya. Namun pada hari ini, segala hujah tidak terpakai lagi. Rusia telah mengharamkan riba dan meletakkan ianya sebagai jenayah paling berat dalam negara mereka. Tidak sepatutnya negara Rusia yang mengamalkan komunisme lebih terkehadapan berbanding kita di negara Islam ini. Riba adalah haram, haram dan haram. Umat Islam dan negara Islam adalah orang pertama yang mengharamkannya.

2

Semoga buku ini dapat memberi pencerahan kepada masyarakat berkenaan dengan balanya riba dan menjadikan seseorang hampir kepada Allah SWT melalui amalan soleh dan pada saat yang sama bersih dari amalan riba.

Akhukum fillah,

Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri

6 Januari 2012M bersamaan 12 Safar 1433H

Mukadimah

Dirafakkan kesyukuran kepada Allah Yang Maha Agung atas segala kurniaan nikmat-Nya yang tidak terhingga. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda SAW dan keluarganya, para sahabat dan mereka yang mengikutinya hingga akhirnya.

Penulis merasa terpanggil untuk menyusun risalah kecil berkenaan dengan riba mengikut perspektif tasawuf. Ini penting kerana penulis pernah membentangkan isu ini pada tahun 2011 yang lalu dan mendapat respon yang positif agar dibukukan bertujuan menambahkan lagi manfaat kepada masyarakat dengan lebih meluas.

Setelah sekian lama kita didedahkan dengan pengharaman riba dan ancamannya melalui sumber al-Quran, al-Sunnah dan juga pendapat ulama tetapi malangnya amalan riba bagi sebahagian masyarakat masih memandang enteng dan sepi seperti angin yang bertiup melaluinya tanpa sebarang kesan.

Justeru, pendekatan kesufian melalui ulama amat perlu diperhalusi agar kita tidak terjatuh ke gaung riba dan pada saat yang sama menyentuh hati kecil kita untuk mengucapkan selamat tinggal kepada amalan riba dengan membuka lembaran baru dalam kehidupan dengan terbebasnya daripada kemurkaan Allah SWT.

Semoga buku kecil ini sedikit sebanyak dapat mengubah kehidupan kita dengan memperolehi keberkatan Ilahi yang sudah pasti kebahagiaan yang hakiki akan singgah dalam bahtera kehidupan kita.

Definisi dan Pengenalan

Sewajarnya dibahaskan dalam pengertian dan definisi tajuk secara ringkas agar kita mendapat kefahaman yang jelas. Dikemukakan dua definisi di sini, iaitu:

Definisi Riba pada Bahasa dan Istilah

Menurut bahasa Arab, riba merujuk kepada lebihan, pertambahan dan perkembangan. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Hajj ayat 5, maksudnya: *"Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berbahagian-bahagian tanaman yang indah permai."*

Maknanya, bumi ini bergerak, meningkat dan bertambah berbanding sebelum hujan turun. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Nahl, ayat 92, maksudnya: *"Disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai dari golongan lain."*

Maknanya bertambah dari segi jumlah dan kuasa.

Di dalam Surah al-Rum, ayat 39, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan)."*

Maknanya, semua bayaran tambahan kepada modal yang kamu berikan kepada pemakan riba akan menambah dan mengembangkan harta mereka tetapi Allah SWT akan menghapuskannya dan tidak akan memberkatinya.

4

Menurut istilah para fuqaha terdapat beberapa definisi, antaranya:

- Mazhab Hanafi: Riba ialah lebihan suatu harta tanpa tukaran (gantian) di dalam sesuatu akad tukaran harta dengan harta. Maksudnya ialah lebihan harta walaupun lebihan itu dalam bentuk hukum sahaja. Oleh itu, definisi ini meliputi riba al-nasi'ah dan juga meliputi segala jenis jual beli yang rosak dan tidak sah (al-buyu' al-fasidah), atas alasan bahawa tangguhan pada sekali satu barang tukaran itu mengakibatkan lebihan, dari sudut hukum, tanpa tukaran kebendaan yang dapat dirasai. Tangguhan itu pada kebiasaannya melahirkan tukaran tambahan. (Lihat Ibn Abidin 4/176)
- Mazhab Maliki: Setiap jenis daripada jenis riba mengikut yang ditakrifkannya. (Lihat Kifayah al-Talib 2/99)
- Mazhab Syafie: Riba ialah akad yang dimeterai sebagai pertukaran barang tertentu tetapi pada ketika akad dimeterai pertukaran ini tidak diketahui kesamarataannya menurut ukuran Syarak ataupun penyerahan salah satu atau kedua-dua barang tersebut dilewatkan. (Lihat Mughni al-Muhtaj 2/21)

Mazhab Hanbali: Riba ialah berlaku lebihan dalam beberapa perkara dan kelewatan penyerahan yang dikhususkan dengan perkara tertentu berdasarkan syariat yang mengharamkannya. (Lihat Kasyaf al-Qina' 3/251)

Kesimpulannya, segala barang yang ada unsur ribawi dan mendapati segala ciri-cirinya seperti tiada qabah atau bertangguh, maka dianggap sebagai riba.

Definisi Tasawuf pada Bahasa dan Istilah

Dinyatakan di sini pengertian tasawuf sama ada dari segi bahasa atau istilah.

Ibn Khaldun berkata: Pada abad ke-2 Hijrah, apabila manusia terpengaruh dengan keseronokan dunia, maka orang-orang yang sentiasa beribadah menamakan diri mereka dengan ahli tasawuf.

Ulama berselisih pendapat dalam mendefinisikan tasawuf sehingga melebihi 2000 takrif. Tetapi yang masyhur hanya beberapa definisi, antaranya:

- Pakaian yang diambil dari bulu binatang ‘suuf’ yang menjadi pakaian kebanyakan ahli tasawuf. Inilah pendapat yang masyhur di kalangan ulama.
- Sempena nama seorang `abid iaitu Suffah bin Murrah, seorang penjaga Kaabah pada zaman Jahiliyah yang terkenal dengan kuat beribadat.
- Berasal daripada kalimah (al-saffu) yang bermaksud saf sembahyang kerana ahli tasawuf berada di saf hadapan ketika solat.
- Berasal daripada kalimah (al-safa'u) yang melambangkan kesucian hati dan bersih daripada sifat-sifat mazmumah. Inilah pendapat Syeikh Sya'rawi dengan melihat kepada asal kata terbitan sufi ini. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani dalam kitabnya al-Ghunya menyatakan bahawa perkataan sufi itu daripada kalimah bersih dan suci.
- Berasal daripada kalimah (al-soffatu), iaitu tempat di utara masjid Nabi SAW yang menjadi tempat bermalam bagi orang asing seperti Muhajirin di kalangan sahabat yang zuhud lagi fakir. Mengikut riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah katanya: “Aku pernah melihat 70 orang daripada kalangan ahli suffah yang tinggal di tempat tersebut.”
- Berasal daripada kalimah ‘al-sufiya’ atau ‘suuf’ iaitu bahasa Yunan yang bermaksud hikmah sebagaimana kenyataan al-Bairuni. Justeru, kalimah Failasuf daripada Fila Sufia yang bermaksud cintakan hikmah.

Abu al-Fath al-Basti berkata: Ada pula yang berpendapat berbeza daripada pendapat di atas, tetapi menurut kajian yang dilakukan semua pendapat di atas adalah jauh daripada kebenaran, kecuali yang diambil daripada perkataan sufi dengan suf iaitu bulu. Seseorang itu bergelar sufi apabila ia memakai baju bulu. Pada masa dahulu memakai baju bulu adalah lambang bagi orang yang kuat beribadah dan zuhud. Pada peringkat awal kebanyakan ahli tasawuf sendiri bersetuju dengan pendapat ini. Antara mereka ialah al-Sirat al-Tusi dalam kitabnya al-Luma'. Pendapat beliau disokong oleh Ibn Khaldun.

Tarjih (Pendapat yang Terkuat)

Setelah melihat kepada pendapat ulama dan penghujahan mereka, kami dapat maklud tasawuf itu daripada kain bulu lebih kuat berdasarkan kepada kaedah bahasa Arab. Tetapi dari segi hakikat dan matlamat kalimah tasawuf lebih kepada makna 'al-sofa'u' kerana kitab-kitab dan ajaran mereka sarat dengan saranan, nasihat dan panduan ke arah menyucikan hati.

Justeru, inilah yang lebih sesuai berdasarkan kepada perubahan zaman, masa dan tempat yang amat nadir (jarang) mereka memakai pakaian bulu mutakhir ini. Sebaliknya majlis mereka, sama ada pengajaran, zikir dan lain-lain lagi menjurus kepada matlamat pembersihan jiwa dan hati.

Dari sudut istilah pula, terdapat beberapa definisi yang telah dikemukakan oleh ulama sufi, antaranya:

- Ma'ruf al-Karkhi mengatakan: "Tasawuf ialah pergantungan harap kepada Allah SWT dan tidak kepada makhluk."
- Menurut Abu Turab al-Nakhsyabi: "Sufi itu ialah seseorang yang tidak dikotori oleh sesuatupun malah bersih daripada semua perkara."
- Sahl bin Abdullah al-Tustari berkata: "Sufi itu ialah seseorang yang bersih daripada maksiat, sentiasa berfikir dan berpegang teguh dengan Allah SWT dan tidak dengan manusia. Oleh yang demikian, di sisinya tidak ada apa-apa perbezaan antara emas dan lumpur."
- Al-Jurairi pula menyatakan: "Tasawuf ialah perlakuan akhlak yang tinggi dan meninggalkan perlakuan yang keji."
- Al-Kattani menegaskan: "Sesiapa yang membekalkan kamu akhlaknya yang terpuji maka dia telah menambahkan kebersihan jiwamu."
- Dr. Abu al-Wafa' al-Taftazani berkata: "Oleh itu tasawuf pada dasarnya adalah akhlak, dengan pengertian ini tasawuf adalah ruh Islam kerana seluruh rukun Islam diasaskan kepada akhlak."
- Al-Nuri berkata: "Tasawuf itu bukan tulisan atau ilmu tetapi ia adalah akhlak. Jika tasawuf itu tulisan, ia boleh diperolehi dengan latihan dan jika ilmu, ia boleh diperolehi dengan belajar. Tetapi sebenarnya maksud tasawuf itu berakhhlak dengan akhlak Allah SWT (akhlek terpuji). Seseorang itu sama sekali tidak dapat berakhhlak dengan akhlak llahi hanya melalui ilmu dan tulisan."
- Mengenai persoalan bagaimakah untuk memperolehi ilmu tasawuf? Jawab Sahl bin Abdullah al-Tustari: "Tasawuf adalah dengan mengurangkan makan, beribadah kepada Allah SWT dan mengasingkan diri daripada manusia."
- Samnun berkata: "Tasawuf ialah kamu berasa tidak memiliki sesuatupun di dunia ini, dan juga tidak dimiliki oleh sesiapapun di kalangan makhluk di dunia ini."

- Al-Syibli pula berkata: “Tasawuf ialah pengabdian diri kepada Allah SWT tanpa rasa keluh kesah.” Ketika ditanya sebab dinamakan dengan nama ini? Jawabnya: “Kerana baki kesan yang masih tinggal pada jiwa mereka. Kalau tidak nescaya tiada lagi nama ini bagi mereka.”
- Tasawuf dari peringkat awal hingga akhirnya tidak boleh terlepas daripada syariat. Oleh yang demikian al-Junaid berkata: “Zikir dengan ijtima’, tawajud dengan istima’ (seni pendengaran) dan beramal dengan ittiba’.”
- Sariy al-Saqaty berkata: “Tasawuf ialah kata nama untuk tiga perkara iaitu cahaya makrifah seseorang tidak menghilangkan cahaya waraknya, tidak berbicara tentang ilmu yang batin yang disanggah oleh al-Quran dan al-Sunnah, karamahnya tidak mendorong dia melanggar perkara yang diharamkan oleh Allah SWT.”
- Syeikh al-Junaid al-Baghdadi memberi beberapa definisi, antaranya:
 - Al-Haq mematikanmu daripada dirimu dan menghidupkanmu dengan-Nya.
 - Kamu bersama-sama Allah SWT tanpa sebarang perantaraan.
- Ibn Khaldun berkata: “Ilmu tasawuf adalah di antara ilmu-ilmu Syariah yang baru dalam agama, yang berpuncanya daripada para sahabat, tabi'in dan orang-orang yang mengikut jalan yang benar dan betul selepas mereka. Asasnya ialah menumpukan diri kepada beribadah semata-mata kerana Allah SWT, dan menolak keseronokkan dan keindahan dunia di samping berzuhud daripada kelazatan, kekayaan dan kemewahan yang dikenari oleh manusia. Mengasingkan diri, berkhalwat untuk beribadah. Perkara seperti ini diamalkan oleh para sahabat dan para salaf soleh (golongan soleh yang terdahulu).”
- Syeikh Abdul Wahab Sya'rani berkata: “Tasawuf Islam memancar di hati para wali ketika beramal dengan al-Quran dan al-Sunah. Tasawuf juga merupakan intipati dari seseorang hamba yang beramal dengan hukum-hukum Syariah.”
- Imam al-Ghazali berkata: “Ahli tasawuf ialah mereka yang berjalan pada jalan Allah SWT khususnya, perjalanan mereka merupakan sebaik-baik perjalanan dan sebenar-benar jalan di samping akhlak mereka, setinggi-tinggi akhlak.”

Sebenarnya terdapat banyak lagi definisi yang lebih kurang maksudnya dengan yang telah disebutkan sebelum ini. Keseluruhannya membawa maksud suci, ilmu, ketinggian azam, mujahadah nafsu dan akhlak-akhlak mulia. Asas tasawuf ialah fiqh (faham) dan ikhlas.

Kesimpulan

Dengan mengamati segala definisi yang dikemukakan secara mendalam, penulis berpendapat definisi mereka mengikut ahwal (keadaan) dan maqamat (kedudukan) masing-masing. Justeru, isyarat yang diibaratkan dalam azwaq (rasaan) mereka tanpa hanya kepada nazari (teori) atau ilmu semata-mata. Dengan gambaran yang terpahat pada hati yang wisal (sentiasa berhubung) dengan Khaliq yang Haq, maka ibarat-ibarat mereka sekalipun lafaz-lafaznya berlainan tetapi maksud dan makna yang tersirat hampir-hampir sama. Dalam erti kata yang lain, mereka cuba menjelaskan nas hadis Rasulullah SAW di dalam riwayat al-Bukhari dan lainnya daripada hadis Umar bin al-Khattab RA, sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: “**Ihsan ialah kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu lihat-Nya dan jika tidak dapat melihat-Nya yakinlah bahawa Dia melihatmu.**”

Dengan memerhati segala definisi tasawuf pada istilah, penulis mendapati tiga unsur utama terkumpul pada kebanyakan definisi:

- i. Pergantungan hati kepada Allah SWT semata-mata.
- ii. Berakhhlak mahmudah serta menjauhkan mazmumah.
- iii. Makrifah (mengenali Allah) dan ilmu yang menghasilkan kesahihan beribadat dengan bersungguh-sungguh.

Pendapat ini menghampiri pendapat Syeikh Dr. Ahmad al-Syarbasi di dalam kitabnya.

Hukum Riba

Seperti yang dimaklumi secara darurat bahawa hukum riba adalah haram berdasarkan nas-nas yang sahih. Oleh kerana banyak nas, memadai penulis menyebut hanya satu nas bagi setiap sumber.

Al-Quran

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 275, maksudnya: “[Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.](#)”

Ayat ini dengan jelas memberi maksud pengharaman riba. Ibn Kathir berkata: Ayat ini seolah-olah membangkang pendapat mereka yang berkata jual beli sama seperti riba sedangkan mereka mengetahui Allah membezakan dua hukum ini. (Lihat Tafsir Ibn Kathir 1/452)

Al-Sunnah

Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, katanya:

Maksudnya: “[Rasulullah SAW melaknat pemakan riba dan yang mewakilkannya.](#)”

Riwayat Muslim

Hadis ini dimulakan dengan kalimah lakinat di mana mengikut kaedah ulama ia memberi maksud dosa besar. Justeru, hukumnya adalah haram dan diperkuatkan lagi dengan banyak dalil.

Al-Ijmak

Dinukulkan di sini dari kalangan ramai ulama berkenaan dengan pengharaman riba, antaranya:

- i. Imam al-Nawawi berkata: Orang Islam berijmak tentang haramnya riba dan ia termasuk daripada dosa besar. Ada pendapat menyatakan ia haram dalam semua syariat dan ulama yang menukilkan seperti itu antaranya al-Mawardi. (Lihat al-Majmu' Syarah al-Muhazzab 9/487)
- ii. Ibn Taimiyah berkata: Amalan riba haram hukumnya berdasarkan kitab iaitu al-Quran, Sunnah dan juga ijmak. (Lihat Majmu' al-Fatawa 29/418)
- iii. Al-San'ani berkata: Umat telah ijmak berkenaan dengan haramnya riba secara umumnya dan mereka khilaf secara perinciannya. (Lihat Subul al-Salam 3/65)

Ancaman daripada Riba

Seperti mana yang diketahui berkenaan haramnya riba, maka di sini dinyatakan ancaman daripada riba. Ini kerana kebiasaannya setiap suruhan sudah pasti adanya manfaat dan maslahat.

Sebaliknya setiap larangan-Nya pasti terdapat banyak mudarat dan bencananya. Dinyatakan di sini beberapa ancaman, antaranya:

Al-Quran

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 275 maksudnya: *"Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhan mereka, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang Telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan), dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya."*

Berdasarkan ayat di atas beberapa cara untuk menjadikan dalil dan hujah berkenaan pengharaman riba dapat dikemukakan, antaranya:

- i. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 275, maksudnya: *"Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila."*

Imam al-Tabari berkata: Daripada Said bin Jubair dalam menafsirkan ayat ini: Dibangkitkan pemakan riba pada hari Kiamat dalam keadaan gila dan tercekik. (Lihat Jami' al-Bayan 3/103)

Qatadah berkata: Itu merupakan alamat ahli riba pada hari Kiamat di mana mereka dibangkitkan seolah-olah dirasuk oleh syaitan. (Lihat Jami' al-Bayan 3/103)

- ii. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 275, maksudnya: *"Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya."*

Ayat ini menyebut bahawa mereka yang beramal dengan riba sudah pasti dimasukkan ke dalam neraka dan kekal padanya yang demikian sebagai gambaran betapa buruk dan kejinya riba seolah-olah sama seperti orang yang tidak beriman kekal dalam neraka. (Lihat Taisir al-Karim al-Rahman 1/245 dan Jami' al-Bayan 3/105)

Al-Sunnah

- i. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *“Jauhilah tujuh kesalahan besar. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah kesalahan itu? Baginda menjawab: Mensyirikkan Allah SWT, sihir, membunuh nyawa yang diharamkan oleh Allah SWT kecuali kerana kebenaran, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada pertempuran serta menuduh wanita suci dan beriman berzina tanpa disedarinya.”*

Riwayat al-Bukhari (2615) dan Muslim (89)

- ii. Ibn Abbas R.Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: *“Apabila zina dan riba menzahirkan diri di sebuah kampung, mereka sebenarnya telah membenarkan diri mereka diazab oleh Allah SWT.”*

Riwayat al-Hakim dalam al-Mustadrak (2/37)

Kesemua hadis ini sudah cukup menjelaskan keburukan riba. Sudah cukup untuk kita menjauhi riba, apabila semua mereka yang terlibat dengan riba dilaknat, dan amalan riba pula disenaraikan sebagai jenayah yang berat, dosa dan pendustaannya tiada yang menyerupainya kecuali jenayah menyekutukan Allah SWT. Malah bukti paling nyata riba adalah amalan yang buruk ialah apabila dihubungkait dengan zina, jenayah menceroboh kehormatan dan merosakkan individu dan masyarakat yang tiada tandingannya. Kedua-duanya menjadi sebab sesebuah masyarakat dimusnahkan.

Atas dasar ini, umat Islam sepakat (ijmak) bahawa riba dan urusniaga berlandaskan riba adalah tergolong dalam dosa-dosa besar yang menjadikan pengamalnya fasiq.

Malah Allah SWT juga tidak menerima amalan-amalan baik mereka yang terlibat dengan riba sehingga mereka bertaubat dengan sebenar-benarnya (taubat nasuha) daripada tindakan mereka menerima atau memberi riba. Bahkan kesemua syariat samawiyah (syariat yang diturunkan daripada langit) yang diturunkan sebelum Islam juga mengharamkannya . Al-Quran, kitab yang diturunkan tanpa sebarang kesilapan turut menjelaskan bahawa sebab yang melayakkan Bani Israel menerima laknat, azab dan bencana adalah kerana dosa yang mereka lakukan terutamanya riba, sedangkan mereka dilarang mengamalkannya.

Hikmah Pengharaman Riba

Penulis memetik kenyataan Dr. Yusuf al-Qaradhwai berkenaan dengan hikmah di sebalik pengharaman riba melalui kitabnya '*al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*'. Antara lain, katanya: Islam mengharamkan sistem riba dalam semua urusan jual-beli, pengharaman ini ialah demi untuk menjaga kemaslahatan manusia dari segi akhlaknya, kemasyarakatan dan ekonomi.

Para ulama Islam telah menjelaskan tentang hikmah pengharaman riba dengan pelbagai pandangan yang logik, di mana didedahkan padanya pengajian yang terbaru dari segi makna dan tujuannya serta diperkuatkannya pula dengan beberapa alasan. Di sini memadailah kami sebutkan tentang riba itu apa yang dibicarkan oleh Imam al-Razi di dalam tafsirnya sebagaimana berikut:

Pertama: Sesungguhnya riba itu sama dengan mengambil harta manusia tanpa ada gantinya. Sebab siapa yang menjual satu dirham dengan dua dirham, maka dia telah memperoleh tambahan satu dirham tanpa ada gantinya, iaitu barang dan sebagainya, padahal harta manusia itu berkait rapat dengan keperluannya, dan ada penghormatan besar padanya sebagaimana sabdanya:

Maksudnya: "*Pengharaman harta manusia itu samalah seperti pengharaman darahnya.*"

Riwayat Abu Nu'aim dalam al-Hilyah

Tegasnya, mengambil harta manusia begitu sahaja tanpa ada gantinya hukumnya haram.

12

Kedua: Bergantung usaha kepada riba sahaja menghalang manusia daripada bekerja untuk mencari keuntungan dengan cara lain. Ini berlaku apabila seseorang itu boleh mendapatkan keuntungan dengan jalan riba, sama ada dengan tunai mahupun dengan bertempoh, ringankan baginya untuk mencari keuntungan dalam menjalani kehidupannya. Dia tentu tidak mahu lagi menanggung kepayahan mencari kelebihan dalam apa jua perniagaan yang memberatkan dirinya, dan dengan cara ini akan terputuslah kemanfaatan umum buat manusia, sedangkan sudah termaklum bahawa kemaslahatan alam dunia ini tidak akan teratur kecuali dengan perniagaan, mengadakan kerja-kerja dalam perindustrian dan pembangunan. Dan sudah tentu sekali hikmah ini diterima dengan baik dari segi ekonomi.

Ketiga: Hal yang demikian akan menyebabkan terputusnya semangat suka berbuat kebaikan kepada sesama manusia dengan memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman. Ini kerana apabila riba itu diharamkan, maka terbukalah hati manusia untuk menerima jumlah pinjaman yang sama. Sebaliknya jika riba itu dihalalkan, nescaya orang yang sedang dalam keperluan terpaksa mengambil pinjaman satu dirham dengan pulangan sebanyak dua dirham dan sebagainya. Perlakuan seumpama ini akan menyebabkan terputusnya semangat suka saling membantu membuat kebaikan sesama manusia.

Keempat: Bahwasanya pada kebiasaannya, orang yang meminjam wang itu seorang miskin. Jika riba itu halal di sisi Syarak, bererti membolehkan bagi si kaya untuk memeras si miskin dengan mengambil wang tambahan daripadanya, yang mana hal seumpama ini tidak harus dilakukan di bawah rahmat Allah SWT.

(Lihat Tafsir al-Fakhr al-Razi, 7/4)

Tegasnya, membolehkan riba itu samalah seperti membenarkan si lemah untuk diperas untuk kemaslahatan si kuat dan akhirnya si kaya bertambah kaya dan si miskin bertambah miskin. Hal ini akan menyebabkan wujudnya kemewahan hidup satu tingkat dari masyarakat ke atas pembiayaan satu tingkat atau tingkat-tingkat yang lain, yang tentu sekali akan menarik menimbulkan perasaan dendki dan permusuhan dalam masyarakat.

Apabila ini berlaku, maka perbalahan akan berlaku antara dua golongan manusia yang berbeza tingkat kehidupan dalam prinsip yang bakal menghancurkan, sebagaimana sejarah telah membuktikan dari hal bahayanya riba dan kaum pemakan riba terhadap politik, pemerintahan serta keamanan negeri dan alam seluruhnya.

Ulama Tasawuf dan Riba

Seperti yang dimaklumi ulama tasawuf amat menitik beratkan isu berkenaan akhlak jati diri lebih-lebih lagi '*Tazkiyah al-Nufus*' yang membabitkan kesucian hati. Justeru, segala perkara yang membawa kepada penafian matlamat tersebut, maka perlu dibersihkan dengan sebenarnya. Isu riba ini tidak terlepas dari pandangan ulama sufi betapa ia amat keji dan dianggap menyalahi norma kemanusiaan apatah lagi perintah Allah SWT yang dengan tegas melarangnya. Berdasarkan kepada nas yang telah dibentangkan di atas dikemukakan di sini beberapa istinbat daripada nas-nas antaranya:

- Isu keberkatan. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 276, maksudnya: "*Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah.*"

Ayat ini dapat disimpulkan beberapa perkara, antaranya:

Allah SWT menghilangkan riba dengan kehilangan daripada pemilikannya atau dihalangnya mendapat keberkatan hartanya. Justeru, dia tidak mendapat manfaat dengannya bahkan lenyap begitu sahaja di dunia dan di hukum di akhirat kelak. (Lihat Tafsir Ibn Kathir 1/310).

Ayat ini menunjukkan haramnya riba kerana Allah SWT bersifat Maha Suci dan tidak menerima kecuali yang suci seperti diriwayatkan daripada banyak hadis. (Lihat Jami' al-Bayan 3/105-106)

Keberkatan merupakan tuntutan yang dimunajatkan oleh hamba kepada Yang Maha Esa sejak awal pagi lagi. Dalam doa qunut, kita menyebut dan berdoa kepada-Nya, antara lain:

14

Maksudnya: "*Dan kurniakanlah kepadaku keberkatan pada apa yang Kamu kurniakan.*"

Sebahagian ulama menganggap keberkatan apabila mempunyai unsur halal, baik dan juga mencukupi. Keperluan memohon keberkatan banyak disebut dalam syariat Islam.

- Riba diumpamakan dengan kufur dan dosa. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 276 yang bermaksud: "*Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa.*"

Ayat ini jelas menunjukkan betapa pemakan riba tidak mendapat cinta Allah dan mahabbah-Nya. Ini menunjukkan dimurkai-Nya dan pengamal riba boleh menyebabkan akan dipastikan kemurkaan serta celaan Allah SWT. (Lihat al-Farq Bain al-Bai' wa al-Riba hal. 11) Ahli tasawuf amat benci apabila perkara yang dianggap maksiat serta derhaka kepada Allah menjadi amalan seseorang apatah lagi digambarkan sebagai kufur dan berdosa sudah pasti mereka lah golongan yang menjarakkan daripada amalan tersebut seperti riba.

- Konsep iman dan takwa dipertegaskan. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 278 yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.*"

Menurut Imam Ibn Kathir *Rahimahullah* dalam tafsirnya: Allah SWT berfirman memerintahkan hamba-Nya yang beriman supaya merasa takut kepada-Nya. Allah SWT melarang mereka supaya tidak melakukan perkara yang mengundang kemurkaan-Nya dan menjauhkan mereka daripada keredhaan-Nya.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 278, maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah.*”

Mereka perlu takut dan sentiasa merasakan kehadiran-Nya setiap kali mereka melakukan sesuatu.

Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 278, maksudnya: “*Jika benar kamu orang-orang yang beriman.*”

Dalam ayat di atas di mukadimahkan dengan iman kerana yang yakin dan percaya sahaja mampu melaksanakan tindakan berdasarkan arahan Allah SWT. Menariknya di hujung ayat disebut sekali lagi sebagai penegasan jika kamu seorang yang beriman menunjukkan yang mampu mengeluarkan diri daripada amalan riba hanya orang yang beriman kerana yakin akan janji Allah SWT dan takut ancaman dan seksaan-Nya. Al-Jurjani berkata: Iman pada syarak hendaklah beriktiad dengan hati dan ikrar dengan lisan. (Lihat al-Ta’rifat hal. 60)

Begini juga sebelum diperintahkan meninggalkan riba, Allah SWT memerintahkan supaya bertakwa. Imam al-Qusyairi menyebut dan menukilkan pendapat ramai ulama sufi berkenaan definisi takwa, antaranya:

Al-Nasr Abazi berkata: Takwa ialah hamba memelihara selain daripada Allah SWT.

Sahal berkata: Siapa yang mahu sahnya takwa, maka hendaklah dia meninggalkan segala dosa.

Abu Bakar Muhammad al-Rauzabari berkata: Takwa ialah menjauhkan apa yang menjauhkanmu daripada Allah SWT.

Talq berkata: Takwa ialah amalan mentaati Allah SWT mengikut cahaya Allah SWT.

Abu Hafs berkata: Takwa ialah pada perkara halal sahaja tidak pada perkara haram.

Berdasarkan kenyataan sebahagian mereka jelas menunjukkan betapa sifat takwa itu sendiri sudah pasti menjarakkan seseorang daripada riba kerana amalan riba amat bertentangan dengan perintah Allah SWT. (Lihat al-Risalah al-Qusyairiah hal. 105)

Diriwayatkan bahawa Abu Hanifah tidak akan duduk berteduh dibawah pohon kayu yang menjadi

gadaianya kerana adanya hadis yang masyhur berbunyi:

Maksudnya: ***"Setiap hutang boleh membawa kepada mendapat manfaat, maka ia dianggap riba."***

Riwayat al-Ajluni dalam Kasfy al-Khafa' (1991) dan dida'ifkan oleh al-Sayuti dalam al-Jami' al-Saghir (2/240)

Hadis ini pada sanadnya terdapat Siwar bin Mus'ab dan ditolak. Justeru, hadis ini adalah lemah.

- Perintah meninggalkan sisa riba, firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 278 yang bermaksud: ***"Dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba."***

Tinggalkanlah bayaran tambahan yang kamu letakkan pada modal yang diwajibkan kepada orang lain selepas kamu dengar arahan ini.

- Perkataan **(Maa)** dalam ayat ini bagi mereka yang memahami bahasa Arab, merujuk kepada semua bahagian riba walaupun sekecil mana sekalipun jumlahnya, walaupun sekadar satu dirham ataupun sehingga satu juta dirham. Seperti yang dimaklumi golongan tasawuf akan mentaati perintah Allah SWT tidak kira banyak atau sedikit kerana taat kepada Allah SWT hukumnya wajib sama ada suruhan-Nya atau larangan-Nya. Ia termasuk dalam Hifz Adab al-Syariah atau memelihara segala adab syarak.
- Al-Quran mengisyitiharkan mereka memerangi Allah SWT dan rasul-Nya, sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 279 yang bermaksud: ***"Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari Allah SWT dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat).***

Ibn Abbas RA berkata: Sesiapa yang masih mengamalkan riba dan tidak mahu menjauhinya, maka pemerintah umat Islam berhak meminta dia bertaubat. Jika tidak bertaubat, pemerintah berhak memenggal lehernya.

Menurut al-Rabi' bin Anas: Allah SWT memberi amaran keras untuk membunuh orang yang mengamalkan riba. Riwayat Ibn Jarir: Demikian menurut tafsiran Imam Ibn Kathir ***Rahimahullah***.

Apa yang dikatakan oleh tokoh ulama hafiz yang agung ini (Imam Ibn Kathir) merupakan perkara yang dipersetujui oleh kalangan para pentafsir kerana ia bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh para ulama silam. Jelas ayat ini mengharamkan riba sedikit maupun banyak semenjak zaman ke zaman ***nubuwah (kenabian)*** lagi, daripada generasi ke generasi dan dari zaman ke zaman. Perkara ini difahami dengan yakin tanpa sebarang kesangsian. Inilah yang difahami oleh umat Islam semenjak zaman Nabi, daripada generasi ke generasi dan dari zaman ke zaman.

Dengan ayat kalimah diizinkan perang bermakna pemakan riba adalah musuh Allah SWT yang halal darahnya dan hartanya. Ia tidak termasuk dalam golongan yang solehin dan baik sekalipun mengaku sebagai orang Islam kerana amalan riba tersebut sedangkan definisi tasawuf itu sendiri untuk

mendekatkan diri kepada Allah SWT, menjadi hamba-Nya, mencari keredaan-Nya sehingga layak mencapai *mardhatillah (keredaan Allah)*.

- Tidak berlaku zalim dan tidak dizalimi. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah, ayat 279 yang bermaksud: *“Dengan yang demikian kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”*

Menurut para pentafsir: *“Kamu tidak berlaku zalim”* dengan mengambil lebih daripada modal kamu dan *“kamu juga tidak dizalimi”* dengan modal kamu dikurangkan. Malah kamu berhak mendapat jumlah yang kamu berikan, tidak kurang dan tidak juga lebih.

Ayat ini juga mengandungi unsur nasihat supaya manusia menjauhi riba dengan cara yang mudah diterima walaupun oleh mereka yang berkeras hati.

Zalim pada bahasa ialah meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya. Pada istilah syarak ibarat daripada melampau daripada kebenaran kepada kebatilan atau menyeleweng. (Lihat al-Ta’rifat hal. 186)

Apabila riba disebut dengan zalim maka sudah pasti ahli tasawuf semestinya menjauhi perbuatan yang dimurka Allah itu.

- Riba mempunyai unsur tamak. Ini kerana mereka sentiasa merasakan tidak mencukupi dengan kurniaan Allah SWT sehingga sanggup melakukan perbuatan yang diharamkan Allah SWT dengan memakan riba. Ini kerana konsep riba tersebut mendapat laba dan keuntungan dengan jalan mudah serta memerah keringat manusia lain secara zalim. Ini dibuktikan dengan nawaitu dan niat pemakan riba.

Abu al-Abbas al-Mursi berkata: “Orang tamak sentiasa tidak kenyang kerana hurufnya (huruf-huruf yang terbit dari dalam rongga dada) iaitu:

Syeikh Zarruq menambah: “Ia juga merupakan huruf yang kering lagi kosong dan yang bergantung dengannya juga begitu.”

Tamak merupakan sebesar-besar kemusnahan jiwa dan aibnya dalam beribadat, bahkan ia merupakan punca kepada segala keruntuhan.

- Riba menjadikan seseorang itu cintakan dunia kerana harta itu sebahagian daripada dunia. Apabila seseorang itu menjadikan dunia bertapak dalam hatinya sudah pasti sukar untuk mengikhlaskan diri dalam beribadat kepada Allah.

Kata Syeikh Abu Abdullah al-Qurasyi tentang amalan orang yang tidak merasai kemanisan dalam hatinya: Maksudnya: *“Sesungguhnya di sisi kamu ada anak perempuan iblis, iaitu dunia. Tidak dapat tidak seorang ayah akan menziarahi anak perempuannya itu di rumahnya, iaitu hati kamu, dan tidak memberi kesan kemasukan ziarahnya itu melainkan kerosakan.”*

- Riba menafikan sifat warak. Ini kerana definisi warak seperti yang dikemukakan oleh Imam al-Qusyairi antaranya:

Abu Sulaiman al-Darani berkata: Warak adalah permulaan zuhud.

Yahya bin Muaz al-Razi berkata: Warak ialah berhenti pada batasan ilmu tanpa sebarang proses mentakwilannya. (mentafsir)

Yunus bin Ubaid berkata: Warak ialah keluar daripada segala syubhah.

Abu Hurairah berkata: Golongan ahlullah esok hari adalah ahli warak dan zuhud.

Sahal bin Abdullah berkata: Siapa yang tidak disertai sifat warak, kalau dia makan kepala gajah pun tidak akan kenyang.

Berdasarkan kenyataan di atas jelas menunjukkan kepada kita, pemakan riba tidak ada sifat warak yang menyebabkan rosaknya agama seperti kata al-Hasan al-Basri. Dihikayatkan bahawa Abu Bakar al-Siddiq pernah berkata: **"Kami meninggalkan 70 pintu halal semata-mata bimbang dan takut terjatuh dalam satu pintu haram."**

Benarlah nasihat Baginda SAW kepada Abi Hurairah:

Maksudnya: **"Jadilah kamu warak, nescaya kamu menjadi orang yang paling beribadat di kalangan manusia."**

Riwayat Ibn Majah (4217) dan al-Haithami dalam Majma' al-Zawaid, di mana beliau menghasankannya

Resolusi Majlis Majma' Fiqh Islami Kali ke-9 di Mekah 1406H

Penulis menulkir resolusi yang telah diputuskan oleh Majma' Fiqh Islami berkenaan Hukum Berinteraksi dalam Bank Riba, antaranya:

- Telah nyata dan benar kajian Ilmiah Ekonomi bahawa riba amat bahaya dalam ekonomi dunia, siasah, akhlak dan keselamatannya. Di sebalik krisis ini yang melanda dunia, ia tiada jalan penyelesaian kecuali membanteras ini yang telah dilarang oleh Islam 14 kurun yang lampau.

Antara resolusi:

- = Menjadi kewajipan terhadap umat Islam menghentikan amalan riba dalam apa juga bentuk.
- = Majlis Fiqhi amat sukacita dengan Perbankan Islam sebagai alternatif dan berpendapat sewajarnya diperluaskan/dikembangkan lagi pada setiap tempat hingga menjadi ampuh dan jitu.
- = Haram dan tidak harus bagi orang Islam berinteraksi dengan bank ribawi setelah adanya Institusi Perbankan Islam.
- = Semestinya pihak berkuasa/pemegang amanah membersih sistem ribawi dan bertukar kepada sistem Islam.

Kenyataan seperti ini bukan hanya dikeluarkan oleh badan tertinggi ulama dunia yang diiktiraf oleh negara Islam tetapi banyak lagi institusi dan Jawatankuasa Fatwa lain yang menyokong dan senada dengan pendapat di atas.

19

Nota:

Krisis kewangan di peringkat global berlaku dengan dahsyatnya pada tahun 2009. Betapa dahsyatnya kemelut ini dapat dibayangkan seperti berikut:

- Terlingkupnya dua bank pelaburan gergasi seperti Lehman Brothers yang ditubuhkan 158 tahun yang lalu dan Merrill Lynch yang dibina sekitar 94 tahun dahulu.
- Pengumuman pelan penyelamatan besar-besaran oleh Kerajaan Amerika Syarikat ke atas syarikat insurans gergasi dengan Rizab Persekutuan dengan pinjaman USD85 bilion (RM289 bilion).
- Pakej bantuan untuk memulihkan kemelut kewangan oleh Perbadanan Amerika Syarikat berjumlah USD700 bilion (RM2,452 bilion)
- Pengumuman peruntukan Perdana Menteri Gordon Brown berjumlah \$50 bilion untuk memilik negara sebahagian daripada kepentingan ekuiti dalam lapan bank utama negara itu.
- Pasaran saham sejagat mengalami kejatuhan yang amat ketara. Nilai unit-unit saham utama mengalami kemerosotan.
- Kenyataan Presiden Sarkozy yang dipetik melalui Utusan Online pada 19 Oktober 2009 menggesa agar dirombak seluruh sistem kewangan antarabangsa yang dibina selepas Perang Dunia kedua pada Persidangan Bretton tahun 1944.

Fatwa Ulama Tentang Riba dan Keadaan Darurat

Sebelum dinyatakan fatwa ulama berkenaan dengan isu riba, penulis memetik kenyataan Dr. Yusuf al-Qaradhwai, antara lain berkata: Tetapi, dalam hal dan keadaan yang darurat yang tidak dapat dihindari sehingga ianya terpaksa bersetuju dengan membayar bunga dalam pinjaman yang diambilnya, maka dosanya dalam hal seperti ini hanya ditanggung oleh si pemakan riba itu seorang diri.

Keadaan darurat itu mempunyai beberapa keadaan, iaitu:

- i. Apabila di sana ada suatu darurat yang hakiki pada diri si peminjam itu, bukan hanya kerana ingin memperluas dalam keperluan-keperluan yang wajib, ataupun yang hanya untuk menyenangkan diri. Ini kerana darurat itu bermaksud suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan lagi, kalau tidak ia akan membawa kepada kebinasaan diri, seperti tidak adanya makanan untuk dimakan atau pakaian yang boleh dipakai, ataupun ubat-ubatan untuk merawat penyakitnya yang mesti dicari.
- ii. Keringanan yang dibolehkan ini hanyalah sekadar untuk menutup keperluan diri, tidak boleh lebih dari itu. Tegasnya apabila dia hanya memerlukan RM9 misalnya, tidaklah boleh dia meminjam hingga ke RM10.
- iii. Dari segi yang lain, terlebih dahulu dia mestilah berusaha dengan cara apa sekalipun untuk mengelakkan diri daripada mengambil riba, seperti cuba mandapatkan bantuan daripada sahabat atau saudaranya yang terdekat. Tetapi, jika semua cara ini menemui jalan buntu, dan tiada jalan lain selain daripada mengambil riba, maka dalam keadaan ini riba dibolehkan tanpa melewati batasan, dan sesungguhnya Allah itu maha Pengampun dan Maha Mengasihi.
- iv. Apabila dia mengambil pinjaman riba itu, hatinya mestilah berasa kesal dan terpaksa, sedang jiwanya membenci perbuatan itu, mudah-mudahan Allah SWT akan menunjukkan kepadanya jalan keluar.

20

Dinyatakan di sini beberapa fatwa ulama berkenaan isu riba:

- Syeikh Jada al-Haq Ali Jada al-Haq, mantan Syeikh al-Azhar antara lain berkata: Tidak harus bagi orang Islam berinteraksi dengan sistem ribawi kerana dia akan ditanya di hadapan Allah SWT berkenaan dengan hartanya daripada mana ia dapat dan ke mana dibelanjakkannya (Fatwa pada 29 Disember 1980).
- Syeikh al-Allamah Ahmad Haridi antara lain berkata: Kami segera memberi peringatan supaya jangan menyimpan wang pada bank-bank asing yang ada unsur ribawi, sebaliknya hendaklah menyimpan dalam bank-bank Islam (Fatwa pada 2 Julai 1969).
- Syeikh Abdul Majid Salim, mantan Syeikh al-Azhar antara lain berkata: Tidak harus mengembangkan harta anak yatim dengan cara menyimpan di bank-bank yang melaksanakan sistem riba (Fatwa 12 Mac 1945).

- Syeikh Abdul Majid Salim, mantan Syeikh al-Azhar antara lain berkata: Tidak harus mengambil faedah daripada harta yang disimpan dalam bank adanya unsur riba. Begitu juga tiada harus mengambilnya dengan qasad, bersedekah dengan duit riba kerana umum ayat dan hadis. (Fatwa pada 20 Mei 1943)
- Syeikh Hasan Ma'mun, mantan Syeikh al-Azhar antara lain berkata: Faedah yang diberi daripada harta yang disimpan pada bank-bank hukumnya haram dan termasuk dalam jenis riba yang tidak harus pada syarak mengambilnya. (Fatwa pada 24 Mei 1960)
- Syeikh Abdul Aziz bin Baz, mantan Mufti Besar Arab Saudi antara lain menyatakan:
 - Tidak harus menyimpan dalam bank kerana mengambil faedah dan pinjaman dengan faedah kerana semua membawa kepada riba yang nyata.
 - Tidak menjadi kesalahan menyimpan duit dalam bank seperti al-Rajhi, al-Subaie dan seumpamanya yang tiada unsur riba. Adapun bank-bank riba tidak harus menyimpangnya kecuali kerana darurat.
- Bekerja sebagai akauntan di syarikat perniagaan yang ada unsur riba tidak harus kerana tolong menolong dan membantu dalam sistem ribawi yang membawa kepada dosa dan perseteruan.
- Pinjaman yang membawa kepada manfaat boleh dianggap sebagai riba dan tidak harus. Ini telah difatwakan oleh ramai di kalangan sahabat Nabi SAW dan telah berijmak oleh ulama.
- Syeikh Muhammad Soleh al-Uthaimin, Anggota Majlis Ulama Arab Saudi antara lain menyebut: Tidak harus menukar emas yang buruk dengan emas yang baik jika wujudnya perbezaan timbangan dan nilai. Ini berdasarkan kepada jenis bahan ribawi.
- Syeikh Atiyah Saqar, Pengerusi Ulama al-Azhar antara lain berkata: Maklum bahawa riba adalah haram dan berdosa besar. Ia sabit pengharamannya dengan nas al-Quran, al-Sunnah dan ijmak dan setiap yang membawa kepada haram serta membantunya, maka hukumnya adalah haram. (Fatwa pada Mei 1997)
- Ini sebahagian daripada pendapat sebahagian ulama berkenaan dengan riba yang jelas menunjukkan hukumnya haram. Justeru, amat wajar dihindarinya.

Nota:

Ibn al-Arabi dalam Ahkam al-Quran berkata: "Perkataan al-Dharar membawa maksud kesakitan yang tidak ada manfaat sebandingnya atau melebihinya. Ia merupakan lawan kepada manfaat. Manfaat ialah perkara yang tidak ada mudarat padanya. Oleh yang demikian, meminum ubat yang tidak berkesan atau melakukan ibadat yang berat tidak dinamakan al-Dharar kerana ia mempunyai manfaat yang sama, ada setanding dengan kemudaratannya atau melebihinya. Kami telah jelaskan bahawa orang yang ditimpah mudarat (terdesak) adalah orang yang diperintahkan dengan sesuatu dan terpaksa melakukannya. Tidak dinamakan sebagai terdesak melainkan orang yang mempunyai keupayaan terhadap sesuatu. Orang yang Allah sediakan untuknya perbuatan tetapi tidak upaya untuk digunakan seperti orang yang menggilir atau demam, tidak dinamakan sebagai orang mudtar (yang terdesak) atau mulja' (yang terpaksa). Kami telah menyebutkan menurut para ulama kami, adakalanya orang yang terdesak disebut juga sebagai orang yang berhajat. Tetapi orang mulja' ialah orang yang terpaksa pada hakikatnya, sedangkan orang yang berhajat dinamakan terpaksa secara majaz (pinjaman dan bukan hakikat) sahaja."

Penyelesaian Wang Riba

Mungkin ramai yang bertanya jika seseorang telah tersilap melabur pada sistem ribawi. Bagaimana wang tersebut, adakah harus diambil atau dibiarkan begitu sahaja? Dinyatakan di sini pendapat para ulama dan fatwa mereka, antaranya:

Pertama: Disedekahkan kepada fakir miskin.

- Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din* menyebut: Sesungguhnya harta ini berada pada kedudukan antara diabaikannya atau dibelanjakan pada tempat yang baik. Ini kerana pemiliknya telah merasa putus asa dan secara daruratnya diketahui bahawa membelanjakan pada tempat yang baik jauh lebih utama daripada dicampakkan ke laut. Jika kita lakukannya, maka kita lupuskan harta tersebut pada diri kita dan pemilik tanpa sebarang faedah tetapi jika kita campakkannya pada tangan orang fakir sudah pasti dia berdoa untuk terhasil keberkatan bagi pemilik dan terhasil keperluan bagi si fakir tersebut. (Kenyataan ini jelas menggambarkan betapa insafnya Imam al-Ghazali dalam memanfaatkan harta yang haram dan betapa dalamnya kefahaman beliau berkenaan dengan konsep harta serta Fiqh Aulawiyat).
- Imam al-Nawawi dalam *Majmu' Syarah Muhazzab*, antara lain menuliskan juga pendapat Imam al-Ghazali di atas dan menambahkan kenyataannya seperti berikut: Apabila seseorang memberi kepada si fakir wang haram, maka hukumnya tidak haram bagi si fakir bahkan halal dan si fakir tersebut boleh bersedekah dan menggunakan untuk diri dan keluarganya. Ini kerana keluarganya juga dianggap fakir yang lebih utama disedekahkan.

22

Fatwa jumhur ulama menunjukkan bahawa orang yang bersedekah tidak mendapat apa-apa jika menggunakan wang haram seperti riba. Ini berdasarkan kepada hadis:

Maksudnya: *"Siapa yang menghimpunkan harta haram kemudian bersedekah tiadalah baginya mendapat pahala dan dosa tetap ke atasnya."*

Riwayat Ibn Hibban dan al-Hakim dan beliau mensahihkannya. Ini juga telah disepakati oleh Imam al-Zahabi

- Syeikh Abdul Latif Hamzah, salah seorang Ulama al-Azhar antara lain berkata: Sepakat ahli fiqh yang faedah daripada bank-bank adalah haram sama ada sumber yang disimpannya atau dipinjamnya. Justeru, tidak harus mengambil manfaat dengannya. Jika diambilnya hendaklah dibahagikan kepada fakir miskin untuk melepaskan duit tersebut tetapi dia tidak dapat pahala di sisi Allah SWT kerana harta tersebut dari sumber yang haram dan Allah SWT bersifat suci dan tidak menerima kecuali yang baik. (Fatwa pada 7 September 1982)

Kedua: Diberikan kepada maslahat umum seperti membaiki jalan, menggali telaga, memberi bantuan kepada kawasan bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan seumpamanya. Antara yang berpendapat seperti ini:

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menyebut: Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan oleh seseorang Muslim dalam mana-mana bank adalah harus kerana kecemasan tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau kegunaan umum. (Muzakarah Kali ke-3, 21-22 Januari 1971)
- Dalam Islam Web, Markaz Fatwa menyatakan bahawa: Wang hasil daripada riba hendaklah diinfakkan kepada fakir miskin dan juga maslahat umum bagi orang Islam untuk melepaskan zimmah tersebut.
- Syeikh Ibrahim bin Saif al-Zu'abi menyebut: Hendaklah diserahkan kepada masarif yang umum seperti pembaikan saliran dan parit juga lain-lain.
- Syeikh Muhammad Soleh al-Munajjid menyatakan: Boleh dibelanjakan harta ribawi dalam semua bentuk kebaikan seperti memberi kepada fakir miskin, kos perubatan kepada yang memerlukan, mujahidin dan mereka yang dibelenggu dengan hutang.

Penutup

Islam menutup pintu bagi siapa yang berusaha untuk mengembangkan harta melalui jalan riba. Lalu riba itu diharamkan, baik sedikit maupun yang banyak. Islam juga mencela kaum Yahudi yang mengamalkan sistem riba, padahal mereka telah dilarang oleh Allah dalam perkara itu. Antara ayat-ayat yang terakhir diturunkan dalam larangan perlakuan riba ini, iaitu firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah, ayat 278-279, maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: Akan adanya perperangan dari Allah dan Rasul-Nya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa."*

Buku kecil ini diharap dapat menyuntik semangat masyarakat Islam untuk menjauhkan diri daripada riba sebaliknya memilih alternatif Islam iaitu Perbankan Islam seperti Bank Muamalat. Begitu juga kita tidak mahu mendapat kenikmatan dan kesenangan dalam bentuk seketika sahaja tetapi selepas itu merana selama-lamanya apabila bertemu Allah SWT di akhirat kelak.

Oleh yang demikian, marilah sama-sama kita berazam untuk membersihkan harta kita dari amalan ribawi selaras dengan kehendak ajaran Islam. Seterusnya mendapat mardhatillah dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Amin.

Bibliografi

24

Abdul Karim bin Hawazin al-Qusyairi. Al-Risalah al-Qusyairiah. 1995. Beirut: Dar al-Khair.

Abi Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Quraisy al-Dimasyq. Tafsir al-Quran al-Azim. 2004. Arab Saudi: Dar al-Salam.

Abu Bakar Muhammad bin Abdullah (Ibn al-Arabi). 2006. Hukum-hukum dalam al-Quran. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al-Sayyid Sabiq, Fiqh al-Sunnah. 1996. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Syahid Imam Hasan al-Banna. Himpunan Risalah (Terjemahan). 2003. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Syeikh Sa'ad bin Abdullah al-Barik. 1999. Fatawa Ulama al-Balad al-Haram, Himpunan al-Syeikh Sa'ad bin Abdullah al-Barik.

Ali bin Muhammad bin Ali al-Jurjani. Kitab al-Ta'rifat. 1992. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Atiah Saqr. t.th. Al-Fatawa. Kaherah: Maktabah al-Taufiqiah.

- Dr. Ahmad al-Syarbasi. 1995. Yas'alunaka Fi al-Din Wa al-Hayah. Jami' al-Huquq Mahfuzah li Dar al-Jil.
- Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha & Dr. Ali al-Syarbaji. 2011. Al-Fiqh Al-Manhaji (Manhaj Fiqh al-Syafi'i). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Dr. Wahbah al-Zuhaili. 1984. Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 1995. Fatwa Mu'asarah (Fatwa Masa Kini). Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Al-Halal wa al-Haram (Terjemahan). 2011. Selangor: Darul Syakir.
- Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. Soal Jawab A-Z tentang Tasawuf. 2009. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. Syarah al-Hikam. 2009. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Imam Yahya bin Abi al-Khair bin Salim bin As'ad bin Abdullah Ibn Muhammad bin Musa bin Umran al-Umrani. 2002. Al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie. Dar al-Kitab al-Ilmiyah.
- Jemaah Ulama. Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah. 2003. Kuwait: Kementerian Wakaf Kuwait.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. 2009. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Siri 1. 2007. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Sa'di Abu Jaib. 1988. Al-Qamus al-Fiqhiyyah al-Lughah wa Istilah. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Syeikh Hasanain Muhammad Makhluf. t.th. Fatawa Syariah. Darul I'tisam.
- Syeikh Jalal Haq Ali Jada al-Haq. 2004. Buhusun wa Fatawa Islamiah fi Qadhaya Mu'asirah. Kaherah: Dar al-Hadith.

Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol:**1300-88-8787**